

STPM Kertas 1 2015:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dua perbezaan antara perbelanjaan hasil dengan perbelanjaan modal:
1. Perbelanjaan hasil adalah belanja untuk manfaat tempoh masa semasa sahaja, manakala perbelanjaan modal adalah belanja untuk manfaat tempoh masa yang lama, tempoh semasa dan masa hadapan.
 2. Perbelanjaan hasil berlaku secara rutin dan kerap kali, manakala perbelanjaan modal berlaku secara sekali sekala sahaja.
 3. Perbelanjaan hasil akan memberi kesan terhadap untung bersih tahun semasa, manakala perbelanjaan modal memberi kesan terhadap untung bersih semasa dan juga pada tempoh masa hadapan.
 4. Perbelanjaan hasil adalah satu item penyata pendapatan, manakala perbelanjaan modal adalah satu item penyata kedudukan kewangan.
- (b) Dua perbezaan antara aset inventori dengan aset tetap:
1. Inventori dibeli untuk dijual semula bagi memperoleh keuntungan, manakala aset tetap dibeli untuk digunakan dalam perniagaan bagi tujuan menjana hasil.
 2. Inventori adalah semasa di mana ia akan ditukarkan kepada tunai dalam tempoh setahun, manakala aset tetap adalah aset bukan semasa yang disimpan dan digunakan bagi tempoh lebih daripada setahun.
- (c) (i) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif:
- Gerak kerja:
1. Pelarasan belanja operasi
 $= 172,000 - 40,000 - 6,000 = \text{RM}126,000$
 2. Belanja susut nilai:
Van pengangkutan = $40,000 / 5 = \text{RM}8,000$
Alatan pejabat = $8,000 / 4 = \text{RM}2,000$
 3. Pelarasan kos jualan
 $= 200,000 - 5,000 - 800 = \text{RM}194,200$
 4. Belanja faedah nota belum bayar
 $= 10,000 \times 8\% = \text{RM}800$

Perniagaan Amani Adik-Beradik
Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Pendapatan)
Untuk tahun berakhir 31 Disember 2013

	RM	RM
Jualan		400,000
(-) Kos jualan		194,200
Untung kasar		205,800
(-) Belanja		
Belanja operasi	126,000	
Belanja susut nilai	10,000	
Belanja faedah Nota belum bayar	800	136,800
		69,000

(ii) Penyediaan penyata kedudukan kewangan:

Perniagaan Amani Adik-Beradik
Penyata Kedudukan Kewangan (Kunci Kira-kira)
Pada 31 Disember 2013

	RM		RM
Aset semasa		Liabiliti semasa	
Tunai (32,500 – 3,000)	29,500	Pembiayaan perdagangan	10,000
Gaji prabayar	6,000	Faedah belum bayar	800
Penghutang perdagangan	24,000	Nota belum bayar(8%)	10,000
Inventori	32,000		
	91,500		20,800
Aset jangka panjang		Ekuiti pemilik	
Alatan pejabat (bersih)	6,000	Modal	43,500
Van pengangkutan (bersih)	32,000	Pendapatan bersih	69,000
		Ambilan	(3,800)
	129,500		129,500

Nota:

Modal awal = 48,500 – 5,000 = RM43,500 (Inventori awal dilebihnyatakan)